



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<p>MBMB/SH/2024/26</p> <p>KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG LAMPU HIASAN SERTA YANG BERKAITAN SEMPENA PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2024 DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</p> <p>Tarikh Kelulusan : 26/02/2024</p> <p>No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00021/73 /349</p>	<p>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</p> <p>Gred G1 (Daerah Melaka Tengah) ; atau</p> <p>Gred G2 (Seluruh Negeri Melaka) ; atau</p> <p>Gred G3 (Seluruh Negeri Melaka)</p> <p>Kategori ME</p> <p>Pengkhususan E04 & E11</p>	<p>HARGA</p> <p>RM10.00 * Tidak akan dikembalikan</p> <p>TARIKH</p> <p>26 Februari 2024 (Isnin) sehingga 4 Mac 2024 (Isnin)</p>	<p>TIADA</p> <p>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)</p>	<p>TARIKH</p> <p>4 Mac 2024 (Isnin) pada jam 12.00 tengahari</p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **26 Februari 2024 (Isnin) sehingga 4 Mac 2024 (Isnin)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam